

FAQ SENARAI SEMAK BAYARAN LEBIH MASA

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	<p>Terdapat sebilangan PTJ menggunakan kew.8 sebagai dokumen sokongan pembayaran elaun lebih masa kerana mengikut kgt bukannya penyata gaji bulan semasa.</p> <p>Contoh :</p> <p>Gaji semasa (Mac) penyata gaji RM1300 Gaji kgt Jan kew.8 Mac sepatutnya RM1450</p> <p>Pengawai menggunakan kadar sebulan $((RM1450 \times 12 \times 1.125)/2504) = RM7.82$ bukannya $((RM1300 \times 12 \times 1.125)/2504) = RM7.01$</p> <p>Atas alasan gaji sepatutnya diterima bagi Mac adalah RM1450 bukannya RM1300.</p>	Antara dokumen sokongan yang diperlukan dalam semakan pengiraan bayaran lebih masa adalah penyata gaji bagi bulan tuntutan . Amaun gaji pokok yang diambil kira adalah seperti yang tertera di penyata gaji tersebut.
2.	<p>Adakah pegawai boleh menuntut pelarasan elaun lebih masa bagi bulan-bulan yang telah lepas?</p> <p>Contoh :</p> <p>Elaun lebih masa bagi Mac dituntut RM7.01/jam Tetapi memandangkan OT Januari dibuat pada kadar RM7.01/jam (ikut payslip semasa) walhal kenaikan gaji tahunan jan sepatutnya bermula RM7.82/jam.</p> <p>Setelah mendapat pelarasan gaji bagi Jan pada bulan Mac sebanyak RM1450 (rm7.82/jam) beliau ingin menuntut baki selisih OT bagi Jan dan Feb.</p>	Tuntutan pelarasan bayaran lebih masa layak dituntut setelah KGT diterima dan tuntutan ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.
3.	<p>Istilah Hari Kelepasan Am merujuk kepada cuti umum Negara, namun begitu, adakah dibenarkan untuk meminda tarikh Hari Kelepasan Am tersebut?</p> <p>Contoh :</p> <p>Hari Kelepasan Am 1 Januari jatuh pada hari rehat mingguan (hari Ahad). Maka Hari Kelepasan Am dituntut pada hari Isnin kerana Hari Rehat Mingguan masih dikira hari Ahad pabila merujuk kepada surat JPA.</p> <p>Namun begitu terdapat PTJ yang bekerja shif, membenarkan Hari kelepasan Am dituntut dalam minggu itu, sebagai contoh hari Khamis dikira sebagai Hari Kelepasan Am.</p>	<p>Pegawai yang bekerja secara giliran :</p> <p>Cuti Kelepasan Am jatuh pada hari Ahad (1Jan)</p> <p>Contoh 1 :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cuti rehat mingguan pegawai : Ahad (1 Jan) (yang telah ditetapkan dalam Jadual Shif) - Cuti Kelepasan Am pegawai : Isnin (2 Jan) <p>Contoh 2 :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cuti rehat mingguan pegawai : Rabu (4 Jan) (yang telah ditetapkan dalam Jadual Shif) - Cuti Kelepasan Am pegawai : Ahad (1 Jan) <p>Pindaan tidak dibenarkan kerana Hari Kelepasan Am bagi</p>

FAQ SENARAI SEMAK BAYARAN LEBIH MASA

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>pegawai yang bekerja secara giliran adalah tertakluk kepada cuti rehat mingguan yang ditetapkan dan Hari Kelepasan Am yang berkaitan.</p> <p>Rujukan : i) Bab C, Perintah AM ii) 'Ruling' Bayaran Lebih Masa, rujukan JPA 63/31 BHG.1 Klt.7(19) bth 5 Disember 1998</p>
4.	Siapa yang sepatutnya memberi kelulusan berkaitan dengan cuti gantian? Kerana ada pegawai gred 41 memohon cuti gantian kerana menjalankan tugas lebih masa.	<p>Permohonan cuti gantian adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p> <p>Rujukan : Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1980</p>